


Amalan Kerja Yang Selamat


April 2015



Seorang krew penyelenggaraan telah memasang semula paip di bahagian atas reaktor di sebuah kilang penapis minyak. Reaktor itu telah dibersihkan dengan nitrogen untuk menghindari oksigen di udara dari berinteraksi dengan pemangkin di dalamnya, dan bahagian atas reaktor telah di buka (1). Tanda A menunjukkan bahawa reaktor adalah ruang terkurung dan permit diperlukan untuk masuk, tetapi tiada tanda amaran mengenai kehadiran nitrogen. Dalam permit kerja, kotak yang menunjukkan "Purge Nitrogen atau lengai" telah diperiksa "N / A" - Tidak Berkenaan (2).



Apabila pekerja penyelenggaraan memulakan kerja, mereka mendapati bahawa ada segulung pita salur di dalam reaktor (3), iaitu yang perlu dikeluarkan. Mereka cuba untuk mengeluarkan pita daripada luar menggunakan wayar yang panjang untuk disambung ke pita, tetapi tidak berjaya. Apa yang berlaku seterusnya adalah tidak jelas. Seorang pekerja mungkin telah sengaja memasuki reaktor untuk mengeluarkan pita berkenaan, dan bercadang untuk keluar dengan cepat. Satu lagi kemungkinan adalah bahawa pekerja yang cuba untuk menghampiri dengan lebih dekat dengan pita berkenaan dengan duduk di pinggir pembukaan reaktor, dan sama ada tergelincir atau jatuh, atau tidak sedarkan diri daripada persekitaran suasana oksigen yang kurang berhampiran pembukaan reaktor lalu jatuh ke dalam reaktor.



Seorang rakan sekerja mendapati bahawa lelaki itu tidak sedar di dalam reaktor lantas cuba masuk kedalam reaktor untuk tujuan menyelamatkan. Akan tetapi, beliau juga tidak sedarkan diri dan pingsan. Satu pasukan penyelamat yang telah tiba dengan peralatan yang lengkap dan mengeluarkan dua orang yang tidak sedarkan diri tadi, tetapi ianya sudah terlambat. Kedua-duanya telah disahkan meninggal dunia di hospital.

Adakah anda tahu?

- ❖ "Amalan Kerja Selamat" merujuk kepada proses yang kita gunakan untuk membenarkan aktiviti kerja bukan rutin, dan untuk mengawal bahaya dan menguruskan risiko yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti ini.
- ❖ Amalan Kerja Yang Selamat sering kali membenarkan kerja melalui permit, yang selalunya termasuk di dalam senarai semak tentang bahaya yang mungkin timbul dengan kerja yang berkaitan dengan nya.
- ❖ "Aktiviti bukan rutin" tidak mempunyai apa-apa kaitan dengan berapa kerap aktiviti yang dilakukan. Sebaliknya ia merujuk kepada aktiviti-aktiviti yang BUKAN sebahagian daripada proses biasa untuk menukarkan bahan-bahan mentah kepada produk akhir, dan TIDAK TERMASUK dengan prosedur operasi standard kilang itu untuk operasi secara normal.
- ❖ Contoh Amalan Kerja Yang Selamat: membuka saluran paip, masuk ke dalam lurang, masuk kedalam ruang terkurung, kawalan sumber tenaga, Lock Out / Tag Out, permit kerja panas, permit kerja yang tinggi, penggalan di kawasan proses.

Apa yang anda boleh dilakukan?

- ❖ Fahami semua Amalan Kerja Yang Selamat di kilang anda dan kawasan kerja anda, termasuklah kebenaran dan sistem permit. Tahu apa aktiviti yang memerlukan permit, dan apa proses untuk mendapatkan permit tersebut.
- ❖ Jika anda membenarkan aktiviti kerja bukan rutin yang termasuk di dalam sistem permit kerja kilang anda, pastikan anda betul-betul terlatih, memahami sistem permit, dan memahami bahaya yang berkait dengan kerja.
- ❖ Jika anda mengeluarkan permit, pastikan semua yang terlibat melakukan kerja tersebut memahami bahaya yang ada.
- ❖ Jangan bergantung pada orang lain untuk mengesahkan bahawa sistem yang betul disediakan untuk kerja-kerja. Jika anda yang akan menandatangani permit berkenaan, anda sendiri yang memeriksanya semua!
- ❖ Jika anda melakukan aktiviti kerja yang bukan rutin, pastikan bahawa anda mempunyai permit yang diperlukan, mengikut semua prosedur yang diperlukan untuk mengawal bahaya, dan menggunakan peralatan perlindungan diri yang betul. Jika berlaku perubahan semasa kerja sedang berlangsung, hubungi orang yang membenarkan kerja untuk mendapat kebenaran dan untuk menentukan sama ada perlu apa-apa langkah keselamatan tambahan diperlukan.

Fahami sistem permit kerja kilang anda!

©AIChE 2015. All rights reserved. Reproduction for non-commercial, educational purposes is encouraged. However, reproduction for any commercial purpose without express written consent of AIChE is strictly prohibited. Contact us at ccps_beacon@aiiche.org or 646-495-1371.